

**PERATURAN PEMARKAHAN  
BAHASA MELAYU KERTAS 2 [1103/2]**

**Markah penuh : 110 markah**

**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - **20** markah  
(b) Bahasa - **10** markah

(a) **Isi** [20 markah]

**Nota:**

(i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											<b>2</b>
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	<b>16</b>	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											<b>2</b>
	<b>Jumlah Markah</b>										<b>20</b>

## Soalan 1 : Rumusan

## Pendahuluan [2 markah]

## Markah

P1	Petikan membincangkan <b>tugas / peranan / fungsi</b> sekolah dalam melahirkan pelajar cemerlang di negara kita / di Malaysia.	2
P2	Petikan membincangkan <b>tugas / peranan / fungsi</b> sekolah dalam melahirkan pelajar cemerlang dan matlamat pendidikan negara.	2
P3	Rumusan membincangkan <b>tugas / peranan / fungsi</b> sekolah dalam melahirkan pelajar cemerlang dan kelebihan-kelebihan menjadi pelajar cemerlang.	2
P4	Rumusan / Petikan membincangkan <b>tugas / peranan / fungsi</b> sekolah dalam melahirkan pelajar cemerlang.	1
P5	<b>Petikan</b> membincangkan <b>tugas / peranan / fungsi</b> sekolah dalam melahirkan pelajar cemerlang dan kelebihan-kelebihan menjadi pelajar cemerlang.	1
P6	Petikan / Rumusan membincangkan <b>tanggungjawab</b> sekolah dalam melahirkan pelajar cemerlang / dan kelebihan-kelebihan menjadi pelajar cemerlang.	0

## Isi-isi tersurat (Tanggungjawab sekolah dalam melahirkan pelajar cemerlang) [ 4 hingga 12 markah ]

- S1 mengawal tingkah laku dan membentuk personaliti pelajar
- S2 mendidik para pelajar dengan ilmu pengetahuan
- S3 merealisasikan matlamat pendidikan negara
- S4 mendidik generasi yang bertamadun tinggi
- S5 Mendidik generasi memiliki pemikiran yang *kreatif, kritis, analitis dan imaginatif* (MESTI ADA SEKURANG-KURANGNYA ADA DUA)
- S6 penentu budaya dan pembangunan sesebuah negara
- S7 Sebagai agen perubahan sosial
- S8 **Penganjuran aktiviti sosial di sekolah** dapat mewujudkan semangat perpaduan
- S9 Mengekalkan corak kehidupan dan kebudayaan **yang dianggap baik**

# Frasa yang berhuruf tebal MESTI ADA dalam jawapan calon. Sekiranya tiada jawapan calon bagi isi tersebut tidak diterima - 0 markah

## Isi-isi tersirat (Kelebihan-kelebihan menjadi pelajar cemerlang) [ 4 hingga 12 markah ]

- T1 Berjaya dalam pelajaran / hidup / dapat melanjutkan pelajaran
- T2 Menjadi contoh kepada orang lain
- T3 Menjadi kebanggaan / meningkatkan imej diri / ibu bapa / keluarga / sekolah / agama / bangsa / negara
- T4 Dapat mencapai cita-cita
- T5 Dapat menjadi pelapis kepimpinan negara / menggantikan pemimpin
- T6 Akan dihormati oleh orang lain
- T7 Ditawarkan biasiswa / ganjaran / insentif

## Kesimpulan [2 markah]

1. Kesimpulannya, sekolah perlulah melahirkan pelajar cemerlang **agar** dapat melahirkan modal insan cemerlang / dapat membangunkan negara. [2 markah]
2. Kesimpulannya, sekolah perlulah melahirkan pelajar cemerlang pada setiap masa. [1 markah]

(b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesenambungan isi baik</li> <li>- Struktur ayat/tatabahasa baik</li> <li>- Kosa kata luas</li> <li>- Tanda bacaan/ejaan betul</li> </ul>
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesenambungan isi masih baik</li> <li>- Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan</li> <li>- Kosa kata masih memuaskan</li> <li>- Tanda bacaan/ejaan juga memuaskan</li> </ul>
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan</li> </ul>

**Nota**

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.  
[Markah bahasa **maksimum : 10 markah**]

**Soalan 2**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2(a) : **9** markah  
 Soalan 2(b) : **9** markah  
 Soalan 2(c) : **8** markah  
 Soalan 2 (d) : **9** markah

**Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/semurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

i. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
– Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
– Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
– Jawapan tidak tepat/salah	0

ii. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
– Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
– Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis – Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
– Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
– Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

iii. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
– Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
– Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
– Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
– Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
– Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

**Soalan 2(a) : Petikan Umum****(i) Maksud rangkai kata *prasarana yang lengkap***

- kemudahan awam / asas / insfrastuktur yang mencukupi / sempurna
- kemudahan awam / asas / insfrastuktur yang lengkap
- prasarana yang mencukupi / sempurna

**Markah**

2

1

1

**[Maksimum 2 markah]****(ii) Matlamat pendidikan negara**

- P1 pembentukan pelajar yang berilmu
- P2 berbudi pekerti
- P3 berpotensi
- P4 menampung tenaga kerja pada masa hadapan dengan kemahiran yang mencukupi dan mutakhir

**[Maksimum 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]****(iii) Persediaan-persediaan lain yang dilakukan oleh kerajaan untuk mencapai sasaran negara maju**

- |  | <b>Markah</b> |
|--|---------------|
| P1 <b>Kerajaan</b> perlu memastikan ekonomi negara dalam keadaan baik agar ramai pelabur asing datang melabur di negara kita.                    | 1+1           |
| P2 <b>Kerajaan</b> perlu memastikan peluang pekerjaan yang banyak agar dapat melahirkan rakyat / negara berpendapatan tinggi                     | 1+1           |
| P3 <b>Kerajaan</b> perlu memastikan sosiopolitik yang baik agar negara aman dan makmur menuju negara maju.                                       | 1+1           |
| P4 <b>Kerajaan</b> perlu memastikan masalah sosial / kejadian jenayah dapat dikurangkan agar imej negara dalam menuju negara maju tidak terjejas | 1+1           |
| P5 <b>Kerajaan</b> perlu memastikan prasarana bertaraf dunia agar setaraf sebuah negara maju   | 1+1           |
| P6 <b>Kerajaan</b> perlu menyediakan pendidikan tinggi untuk melahirkan tenaga mahir / profesional   | 1+1           |

**[Maksimum 4 markah]****[Isi cukup : 3 isi tanpa huraian]****[Isi cukup : 2 isi dengan huraian]****# Jawapan KERAJAAN sahaja yang diterima.**

**Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen****(i) Punca-punca Aiman dirotan**

	<b>Markah</b>
P1 selalu ponteng sekolah	1
P2 bosan dan jelak ke sekolah	1
P3 selalu ganggu kawan di dalam kelas	1
P4 degil	1

**[Maksimum 2 markah]****(ii) Peranan keluarga**

- P1 memohon biasiswa untuk melanjutkan pelajaran  
 P2 menghantar anak ke program pelajar genius / permata pintar  
 P3 menyediakan kemudahan pembelajaran yang bersesuaian  
 P4 memberi pengiktirafan atau hasil cipta anak genius  
 P5 memberi motivasi atau sokongan secara berterusan  
 P6 mencari peluang / menghantar belajar di luar negara

**[Maksimum 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]****(iii) Persoalan dalam petikan**

	<b>Markah</b>
P1 <b>Golongan pelajar yang pintar/genius</b> – Aiman / Aqil budak genius, budak cerdas dan pintar mampu menyelesaikan masalah matematik Tingkatan Lima	1+1
P2 <b>Pelajar yang degil</b> – Aiman / Aqil degil dan hatinya seteguh karang di lautan , sekeras sinar suria berkedudukan 90 darjah tepat	1+1
P3 <b>Sikap pelajar yang suka ponteng sekolah</b> – Aiman / Aqil selalu ponteng sekolah ketika sekolah rendah.	1+1
P4 <b>Perasaan simpati / belas kasihan terhadap orang lain</b> – ibu simpati apabila melihat Aiman / Aqil dirotan oleh babahnya.	1+1
P5 <b>Ketegasan dalam mengambil tindakan</b> – Guru Kelas tegas ingin membawa Aiman / Aqil berjumpa Guru Besar sekiranya dia masih mengganggu kawan.	1+1

**Persoalan lain daripada keseluruhan cerpen****Markah**

K1 <b>Kasih sayang seorang ibu terhadap anak</b> – ibu amat menyayangi Aiman dan memprotes dalam hati dengan tindakan babah yang sering menampar dan merotan Aiman	1+1
K2 <b>Golongan pelajar yang bercita-cita tinggi</b> – Aiman bercita-cita ingin menjadi angkasawan	1+1
K3 <b>Sikap pemarah atau panas baran</b> – babah sering memarahi dan merotan Aiman kerana sering mengganggu rakan sekelas	1+1
K4 <b>Tanggungjawab seorang ayah terhadap anak</b> – Babah Aiman / Aqil bertanggungjawab menghantar Aiman / Aqil menjalani rawatan penyakit gagap.	1+1
K5 <b>Keinsafan atas kesilapan diri</b> - Aiman / Aqil insaf akan kesilapannya yang suka berkhayal.	1+1
K6 <b>Perasaan dendam terhadap orang lain</b> - Aiman / Aqil berdendam terhadap bapanya yang pernah merotan dan menamparnya.	1+1

**[Maksimum 4 markah]**

**Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional****(i) Maksud *mati kerana pekerjaan***

	<b>Markah</b>
- meninggal dunia disebabkan / akibat / berpunca perbuatan / angkara / tindakan	2
- meninggal dunia disebabkan / akibat / berpunca pekerjaan	1
- mati disebabkan perbuatan / angkara / tindakan	1

**(ii) Janji Kertala Sari selepas dititahkan membunuh Ratu Melaka dan Laksamana**

- P1 akan membunuh Ratu Melaka  
P2 akan membunuh Laksamana  
P3 jika tidak dia tidak akan menjadi penggawa

[Maksimum 3 markah]  
[Isi cukup : 2 isi]

**(iii) Langkah-langkah pemimpin untuk mengelakkan peperangan**

- P1 sentiasa mewujudkan hubungan diplomatik / mengamalkan sikap terbaik-baik antara negara  
P2 bekerjasama dalam menyelesaikan masalah antara negara  
P3 bekerjasama dalam melindungi hak asasi manusia tanpa mengira bangsa, agama dan warna kulit.  
P4 tidak melakukan provokasi / tidak mengancam negara lain.  
P5 mengamalkan prinsip keamanan sejagat  
P6 menghormati kedaulatan negara lain  
P7 menyelesaikan pertelingkahan melalui rundingan / permuafakatan

[Maksimum 3 markah]  
[Isi cukup : 2 isi]

**Soalan 2 (d) – Gurindam**

- |   |               |
|---|---------------|
| (i) <b>Maksud rangkap ketujuh</b>   | <b>Markah</b> |
| Seseorang perlu sentiasa berwaspada atau mengawal pergerakan / perjalanan<br>[1 markah] <i>agar</i> tidak pergi ke tempat-tempat yang boleh membawa keburukan /<br>kerosakan / merugikan diri. [1 markah] | 2             |

**[Maksimum 2 markah]**

- (ii) **Tindakan**
- P1 Sentiasa mematuhi hukum / ajaran agama
- P2 Sentiasa mendengar nasihat ibu bapa / guru / keluarga / orang tua / kaunselor
- P3 Berkawan dengan kawan-kawan yang baik sahsiah
- P4 Berfikir sebelum bertindak / rasional
- P5 Belajar untuk meneguhkan jati diri / menyertai PLKN

**[Maksimum 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]**

- |   |               |
|---|---------------|
| (iii) <b>Pengajaran dalam gurindam</b>  | <b>Markah</b> |
| P1 Kita perlulah memelihara pandangan / penglihatan supaya keinginan / nafsu<br>dapat dikawal.  | 1+1           |
| P2 Kita hendaklah memelihara pendengaran agar tidak mendengar perkara-perkara<br>yang tidak berfaedah.  | 1+1           |
| P3 Kita mestilah bijak dalam menuturkan kata-kata / bercakap / berkomunikasi<br>supaya tidak menyakiti hati / perasaan orang lain / Kita perlu menjaga<br>percakapan agar sentiasa mendatangkan manfaat | 1+1           |
| P4 Kita haruslah memelihara perbuatan agar tidak melakukan perkara-perkara yang<br>tidak baik   | 1+1           |
| P5 Kita perlulah sentiasa menjaga nafsu makan kerana boleh mendatangkan pelbagai<br>perbuatan buruk.  | 1+1           |
| P6 Kita perlulah memelihara hati agar sentiasa bersikap positif.  | 1+1           |
| P7 Kita perlulah mengawal pergerakan supaya tidak pergi ke tempat-tempat yang<br>membawa keburukan.   | 1+1           |

**[Maksimum 4 markah]**



**SOALAN 3**

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

Soalan 3 (a) : **6** markah

Soalan 3 (b) : **6** markah

Soalan 3 (c) : **6** markah

Soalan 3 (d) : **6** markah

Soalan 3 (e) : **6** markah

**Perhatian bagi soalan 3 (a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Frasa digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak  $\frac{1}{2}$  markah.

**Jawapan 3(a)**

- (i) daki - kotoran yang melekat pada tubuh manusia, pakaian dll  
- memanjat (bukit, gunung dll)
- (ii) nilai - taksiran harga sesuatu benda  
- harga sesuatu barang jika dibandingkan dengan harga barang lain  
- mutu; taraf
- (iii) pulau - kawasan tanah yang dikelilingi air di laut atau di sungai  
- memisahkan dari yang lain; mengasingkan  
- tidak mempedulikan; memboikot

[ Maksimum : 6 markah ]

**Jawapan 3 (b)**

- (i) Setiausaha peperiksaan sedang menjelaskan maklumat tentang Sijil Pelajaran Malaysia.
- (ii) Kami sedang menjalankan tugas sebagai urus setia Kem Kepimpinan Pelajar di Merang.
- (iii) Saya telah menebang pokok kelapa pandan di belakang rumah datuk semalam. / Semalam saya telah menebang pokok kelapa pandan di belakang rumah datuk.

[ Maksimum : 6 markah ]

**Jawapan 3 (c)**

- |       |                    |   |                     |
|-------|--------------------|---|---------------------|
| (i)   | ingatan            | - | peringatan          |
|       | kaki tangan        | - | kakitangan          |
| (ii)  | dibiarkan          | - | membiarkan          |
|       | memporakperandakan | - | memporak-perandakan |
| (iii) | laksanakan         | - | melaksanakan        |
|       | keboleh pasaran    | - | kebolehpasaran      |

[ Maksimum : 6 markah ]

**Jawapan 3 (d)**

- |       |                |   |                       |
|-------|----------------|---|-----------------------|
| (i)   | resipi         | - | menu                  |
|       | demi untuk     | - | demi / untuk          |
| (ii)  | di             | - | dalam                 |
|       | dialisis       | - | diagnosis             |
| (iii) | saingan        | - | saringan              |
|       | paling terbaik | - | paling baik / terbaik |

[ Maksimum : 6 markah ]

**Jawapan 3 (e) Peribahasa**

- (i) Belakang parang kalau diasah lagikan tajam
- (ii) Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan / hendak seribu daya tak hendak seribu dalih / kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya
- (iii) Tangan kosong

[ Maksimum : 6 markah ]

**Soalan 4**  
[15 Markah ]

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 4**

**4(a)**

- (i) Jawapan hendaklah berdasarkan **sebuah** daripada novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (iii) Berikan **1** markah untuk pernyataan latar masyarakat penyayang yang lengkap/jelas.
- (iv) Berikan **1** markah untuk setiap huraian latar masyarakat penyayang lengkap/jelas.
- (v) Markah isi maksimum **4** markah.
- (vi) Markah bahasa maksimum **3** markah.

[ Maksimum : 7 markah ]

**4 (b)**

- (i) Jawapan hendaklah berdasarkan **dua buah** novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (iii) Berikan **1** markah untuk peristiwa berunsur saspens yang lengkap / jelas.
- (iv) Berikan **2** markah untuk sebab / alasan peristiwa itu dikatakan saspens yang lengkap / jelas.
- (v) Markah isi maksimum **6** markah.
- (vi) Markah bahasa maksimum **2** markah.

[ Maksimum : 8 markah ]

(a) Latar masyarakat penyayang yang terdapat dalam novel

### Novel Pantai Kasih

#### 1. Masyarakat yang sayang akan anak / ahli keluarga ( Masyarakat yang menyayangi anak / ahli keluarga )

- Doktor Raiha membesarkan Rohayu dengan penuh kasih sayang dan melarikan diri bersama anaknya, Rohayu kerana tidak sanggup berpisah dengan anaknya itu yang akan dihantar ke Pusat Rawatan untuk kanak-kanak sindrom *Down*.
- Ibu Unong Siron menghantar anaknya ke PRPK supaya dia mendapat rawatan yang terbaik dan sentiasa berada di sisi Unong Siron sepanjang mendapat rawatan di situ.
- Ayah Doktor Raiha menasihatinya agar tidak berkahwin dengan Doktor Sadiz yang sombong dan lebih tua daripadanya kerana yakin perkahwinan tersebut tidak akan membawa kebahagiaan.

#### 2. Masyarakat yang sayang akan rakan

- Doktor Raiha sering menegur dan memberi nasihat kepada Felicia Landosi menghadapi masalah peribadi dan kemurungan. Doktor Raiha juga memaafkan kesalahan Felicia yang terlibat secara tidak langsung dalam tragedi yang menjadi punca kematian Ayu apabila Felicia telah sedar dan insaf akan kesilapan yang dilakukannya.
- Doktor Raiha menumpangkan Felicia Landosi ketika Felicia masih belum memiliki kenderaan sendiri dan sedia memaafkan kesalahan Felicia yang terlibat dalam tragedi kematian Ayu.

#### 3. Masyarakat yang sayang akan suami

- Isteri Doktor Uwang mematuhi apa-apa sahaja kata dan taat dengan keputusan suaminya yang menghantar anak tunggal mereka berusia tujuh tahun ke sekolah swasta berasrama. Suaminya juga tidak mahu mempunyai anak lagi.

### Novel Bimasakti Menari

#### 1. Masyarakat yang sayang akan ibu bapa ( Masyarakat yang menyayangi ibu bapa )

- Muhammad Taufik mempelawa ibunya, Maryam Wickham Abdulah tidur di rumahnya ketika ibunya datang ke Malaysia kerana sudah lama mereka tidak bersua. Muhammad Taufik juga berusaha menyatukan ibu bapanya semula.
- Nurul Hafsa akan membina stor untuk ayahnya apabila mendapat gaji pertama supaya peralatan berkebun ayahnya tidak dicuri orang.

#### 2. Masyarakat yang sayang anak rakan

- Nurul Hafsa bimbang akan keselamatan Muhammad Taufik yang dipukul dan diculik oleh penjenayah upahan Dato' Johann Arlington-Majid dan sentiasa mengikuti perkembangan kesihatannya.
- Muhammad Taufik sayang akan Nurul Hafsa dan ingin menyuntinnya sebagai isteri.

#### 3. Masyarakat yang sayang akan adik-beradik / ahli keluarga

- Budiman sentiasa menemani adiknya, Nurul Hafsa ketika adiknya mengadakan perbincangan dengan Muhammad Taufik tentang projek Kawasan Simpanan Langit Gelap Kuala Selangor di Bilik Tutorial Perpustakaan Awam Sultan Sharafuddin.
- Budiman juga menemani Nurul Hafsa mengambil data populasi kelip-kelip sehingga pukul 10.00 di kawasan jeti milik Muhammad Taufik. Budiman mengambil tindakan tersebut kerana sayang akan adiknya, Nurul Hafsa.

[Lihat halaman sebelah

**4. Masyarakat yang sayang akan anak-anak**

- Puan Wickham memberitahu Muhammad Taufik bahawa dia amat menyayangi dan merindui anaknya itu ketika mereka berjumpa di Balai Cerap Sultan Salahuddin. Beliau menerima pelawaan Muhammad Taufik agar bermalam di rumahnya dan sempat memasak makanan tengah hari untuk anaknya itu
- Tan Sri Muhaimin sentiasa memenuhi kehendak dan keperluan anak tunggalnya, Muhammad Taufik. Beliau menyokong usaha Muhammad Taufik mengekalkan populasi kelip-kelip dan membina rumah prototaip mesra alam, iaitu Ikhtiar Teknoalam.
- Haji Yassir memenuhi permintaan Nurul Hafsa yang meminta menemaninya pergi ke jeti bagi menaiki bot menyusuri sungai untuk melihat kelip-kelip di Kampung Kuantan.

( Terima latar masyarakat penyayang lain yang sesuai )

**Catatan:**

*Latar masyarakat yang sayang akan negara dan latar masyarakat yang sayang akan alam sekitar tidak diterima.*

**(b) Huraikan peristiwa yang mencetuskan saspens dalam novel yang anda pelajari.*****Novel Pantai Kasih***

1. Doktor Raiha sering mendengar bisikan dan suara-suara aneh yang menghantuinya siang dan malam selepas kejadian tragis kematian Rohayu, anak tunggal kesayangannya.
  - Saya tertanya-tanya tentang punca kematian sebenar anak Doktor Raiha, iaitu Rohayu binti Sadiz. Saya ingin tahu orang yang menjadi punca utama dalam kejadian yang mengorbankan anak kesayangan Doktor Raiha.
2. Ayah Doktor Raiha bersungguh-sungguh membantah hasrat Doktor Raiha ingin menjadi pakar bedah dan berkahwin dengan Doktor Sadiz.
  - Saya tertanya-tanya perbuatan yang telah Doktor Sadiz lakukan terhadap Doktor Raiha apabila Doktor Raiha akhirnya mengerti sebab bapanya menghalang perkahwinannya dengan Doktor Sadiz dahulu.
3. Ketika bermonolog, Felicia Landosi berkata dia berasa amat kecewa serta bersalah dan hanya akan damai jika dia benar-benar dapat melupakan segala peristiwa hitam pada malam yang dikatakannya amat menggemparkan itu.
  - Saya tertanya-tanya tentang dosa silam dan kejadian pada malam yang dimaksudkan oleh Felicia sehingga dia berusaha untuk melupakannya.
4. Felicia ditahan oleh penceroboh yang menyamar sebagai doktor di Pusat Rawatan Pantai Kasih sehingga mencetuskan rasa panik dalam kalangan kakitangan pusat rawatan tersebut.
  - Saya berasa saspens tentang nasib Felicia memandangkan pada masa itu dia juga berada dalam keadaan khayal akibat minum ubat batuk berlebihan.

*Novel Bimasakti Menari*

1. Peristiwa pengemudi bot sukar memenuhi permintaan Nurul Hafsa yang gagal melihat kerlipan kelip-kelip secara sinkronasi agar mereka menyusur cabang sungai dan mendekati mulut anak sungai yang gelap milik individu serta menjadi kawasan larangan.
  - Saya tertanya-tanya tentang rahsia di sebalik mulut anak sungai yang gelap dan penuh misteri itu.
2. Peristiwa Muhammad Taufik bersungguh-sungguh benar meminta Nurul Hafsa berjanji akan meneruskan pencerapan data populasi kelip-kelip sekiranya sesuatu yang buruk terjadi kepadanya.
  - Saya tertanya-tanya perkara yang mungkin terjadi kepada Muhammad Taufik yang bersikap pelik pada ketika itu.
3. Peristiwa Budiman dan Nurul Hafsa berusaha menjejak tempat Muhammad Taufik ditimpa kemalangan pada malam kejadian.
  - Saya ingin tahu keadaan dan nasib Muhammad Taufik kerana Budiman dan Nurul Hafsa mendapati dia sudah tiada di dalam kenderaan pacuan empat roda hibrid milik Muhammad Taufik.
4. Peristiwa ketika Nurul Hafsa melihat ayahnya bercakap perlahan dengan Tan Sri Muhaimin di satu sudut seperti membincangkan perkara yang amat sulit.
  - Saya tertanya-tanya perkara yang dibincangkan oleh mereka sehingga mereka bercakap perlahan.
5. Peristiwa Budiman dipukul hingga tergelimpang ke tanah dan Nurul Hafsa dilarikan oleh tiga orang lelaki dengan kepalanya disarung kain gelap ketika mereka membuat pencerapan kelip-kelip di jeti Kampung Kuantan.
  - Saya tertanya-tanya perkara yang mungkin akan terjadi kepada mereka.

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**